# RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN

Mata Pelajaran : Pendidikan Muzik

Kelas : Dua Intan

Masa : 8.45 pagi – 9.45 pagi

Bilangan murid : 30 orang

Aspek : Persepsi Estetik

Item : 1.2 Melodi, warna ton, alat perkusi

Tajuk Lagu : Aku Burung Tiung

Kemahiran : Menyanyi dan memainkan alat muzik secara muzikal – Tempo dan melodi.

Hasil Pembelajaran : Di akhir pengajaran dan pembelajaran, murid-murid boleh:

1. Memainkan dua alat perkusi mengikut corak irama yang berlainan.

Pengetahuan

Sedia ada : 1.Murid pernah menyanyi lagu ‘Aku Burung Tiung’.

2.Murid pernah mengendalikan dan memainkan alat Perkusi kastenet dan woodblock.

Strategi Kecerdasan pelbagai.

1. Muzik
2. Kinestik
3. Visual ruang

Nilai Murni : Kerjasama, berkeyakinan

Alat Bantu Mengajar : Laptop, LCD Projector, kibod, pita rakaman**.**

| **Langkah** | **Isi Pelajaran** | **Aktiviti** | **Catatan** |
|---|---|---|---|
| Set Induksi<br>( 5 minit ) | Aktiviti menarik nafas | 1. Guru menayangkan klip video ‘menghidu bunga’ melalui slaid powerpoint.<br>2. Guru mengaitkan aktiviti ‘menghidu bunga’ dengan aktiviti menarik nafas dengan betul.<br>3. Guru tunjukcara dan bimbing murid menarik nafas dengan betul iaitu | 1. Murid-murid memerhati dan mendengar keterangan guru.<br>2. Murid-murid meniru gaya menghidu bunga untuk menarik nafas dengan bimbingan guru. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dengan mengembangkan dada di bahagian diafragma sama seperti cara menghidu bunga. | |
| Langkah 1<br>( 5 minit ) | Memperkenalkan lagu | 1. Guru menayangkan slaid powerpoint lirik lagu ‘Aku Burung Tiung’.<br>2. Guru memainkan rakaman lagu ini secara keseluruhan sebanyak 2 kali. | 1. Murid memerhati lirik lagu yang di pamerkan sambil mendengar lagu yang dimainkan.<br><br>**ABM :**<br>laptop, LCD |
| Langkah 2<br>( 8 minit ) | Menepuk corak irama. | 1. Guru menepuk tangan mengikut corak irama.<br>2. Guru menayangkan corak irama kepada murid dan meminta murid menepuk. | 1. Murid-murid memerhati dan mendengar dengan teliti.<br>2. Murid-murid menepuk dengan bimbingan guru.<br><br>Nilai : Berdikari, teliti, sabar. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Langkah 3<br>( 15 minit ) | Menyanyikan sambil menepuk tangan mengikut corak irama. | 1. Guru menyanyikan lagu ini dengan iringan minus one.<br>2. Guru menyanyikan lagu ini sambil menepuk tangan berpandukan corak irama tadi.<br>3. Guru dan murid menyanyi lagu tersebut.<br>4. Guru membimbing murid menyanyi sambil menepuk tangan.<br>5. Guru mengesan kesalahan pitch, sebutan dan tepukan semasa nyanyian. | 1. Murid-murid memerhati dan mendengar dengan teliti.<br>2. Murid-murid **'menyanyikan'** lagu ini.<br>3. Murid menynyi sambil menepuk tangan.<br><br>Nilai : Berdikari, teliti, sabar. |
| Langkah 4<br>( 15 minit ) | Memainkan alat perkusi mengikut corak irama yang diimbas pada slide powerpoint. | 1. Guru menayangkan gambar cara mengendalikan alat perkusi loceng dan kayu tik tok.<br>2. Guru menunjukkan cara mengendali dan memainkan alat | 5. Murid-murid memerhati dan mendengar penerangan guru seterusnya memainkan alat perkusi tersebut mengikut corak |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | perkusi mengikut corak irama.<br><br>Loceng:<br><br><br>Kayu tik tok:<br><br>3. Guru membahagikan murid kepada 2 kumpulan dan memberi alat perkusi yang berbeza kepada setiap kumpulan.<br>4. Murid memainkan alat perkusi mengikut corak irama yang dipelajari. | irama yang dipelajari dengan iringan muzik. |
| Langkah 5<br>(7 minit ) | Soalan | 1. Guru menayangkan beberapa soalan berkenaan alat perkusi. | 1. Murid-murid menjawab dengan yakin. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Penutup<br>(5 minit) | Menyanyi serta memainkan alat perkusi | 1. Guru memewujudkan satu kumpulan lagi daripada 2 kumpulan yang telah dibentuk tadi kepada 3 kumpulan dan meminta setiap kumpulan melakukan seperti berikut;<br>a. Kumpulan A menyanyikan lagu ‘Aku Burung Tiung’<br>b. Kumpulan B memainkan alat perkusi loceng mengikut corak irama yang dipelajari<br>♪♪♪♪\|♪♪♪♪ ♪♪♪♪\|♪♪♪♪<br>c. Kumpulan C memainkan alat perkusi kayu tik tok mengikut corak irama yang dipelajari<br>♩♩♩♩ \| ♩♩♩♩<br>2. Guru memainkan | 1. Kelas dibahagikan kepada 3 kumpulan<br>2. Murid menmyanyi serta memainkan alat perkusi.<br>**<u>ABM</u>**<br>Laptop, LCD, alat perkusi<br>- Loceng<br>- Kayu tik tok |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | lagu dan kelas menyanyi serta memainkan alat perkusi. | |